

FENOMENA NIKAH SINDIKET: SATU HURAIAN AWAL

Intan Nadia Ghulam Khan

Nabilah Yusof

Hasnizam Hashim

Haliza A. Shukor

Abstrak

Nikah sindiket merupakan satu fenomena yang masih berlaku dalam masyarakat Malaysia. Walaupun terma nikah sindiket tidak digunakan secara langsung di dalam perbincangan di antara para ulama fiqh, namun syarat yang jelas telah pun diperuntukkan bagi menentukan kesahan sesuatu perkahwinan yang dijalankan. Mutakhir ini, terma nikah sindiket telah banyak digunakan secara langsung dalam konteks perkahwinan yang mana ia memerlukan penjelasan terperinci tentang pendefinisiian nikah sindiket. Kertas kerja ini akan memberi penerangan awal tentang maksud nikah sindiket, jenis-jenis nikah sindiket serta faktor-faktor yang mendorong ke arah nikah sindiket dan implikasinya.

DEFINISI NIKAH SINDIKET

Fenomena nikah sindiket adalah merupakan masalah sosial yang telah lama wujud di Malaysia. Ianya adalah merupakan pernikahan yang tidak mengikut saluran yang diiktiraf oleh perundangan Malaysia.¹ Sehingga kini isu ini masih lagi belum dapat ditangani oleh perundangan sedia ada, biarpun beberapa langkah telah diambil untuk menyelesaikannya secara

1 Temu bual bersama dengan Tuan Haji Zainul Abidin bin Mat Nor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 12:45 tengahari, di JAWI.

peraturan pentadbiran dan undang-undang. Bagi pihak yang terlibat dengan pernikahan secara sindiket ini pula, matlamat mereka adalah semata-mata untuk berkahwin tanpa mempedulikan sama ada pernikahan tersebut adalah sah menurut hukum syarak mahupun perundangan sedia ada.²

Di Malaysia, secara umumnya urusan yang berkaitan dengan perkahwinan orang-orang Islam adalah diatur oleh undang-undang yang terdapat di setiap negeri dikenali sebagai Enakmen Keluarga Islam dan Akta bagi Wilayah-wilayah Persekutuan. Di antara matlamat Enakmen Keluarga Islam ini ialah untuk mengadakan peruntukan undang-undang keluarga Islam berhubung dengan perkahwinan, perceraian, nafkah, jagaan dan perkara lain berkaitan dengan kehidupan berkeluarga.³ Secara tidak langsung, dengan adanya undang-undang yang mentadbir urusan berhubung dengan kehidupan berkeluarga pasangan Islam, maka tanggung jawab dan hak pasangan terbabit kekal terpelihara dan ia dapat menghalang daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini, antaranya pernikahan secara sindiket.

Menurut Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah, nikah sindiket adalah merupakan pernikahan yang tidak mengikut peraturan atau bersalahan dengan undang-undang sama ada sah atau tidak sah dan sama ada melalui syarikat atau tidak.⁴ Dalam kes permohonan pendaftaran semula pernikahan oleh Md. Khairul b. Jaafar dan Mazita Mohamed (Kes No. 14005-010-0058-2008), kedua pasangan telah diakad nikah oleh abang kandung Plaintiff Kedua, kerana bapa kandung tidak diketahui keberadaannya. Hakim memutuskan bahawa akad nikah tersebut tidak sah atas alasan jurunikah tidak mempunyai kuasa perwalian walaupun beliau merupakan abang kandung Plaintiff Kedua. Menurut Siti Nor Jihan Saleh, (Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan

2 Temu bual bersama dengan Tuan Haji Zainul Abidin bin Mat Nor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 12:45 tengahari, di JAWI.

3 Pendahuluan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)

4 Temu bual bersama Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 3:00 petang, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

JAWI) pula, pernikahan secara sindiket adalah merupakan perkahwinan yang dilakukan oleh jurunikah yang tidak bertauliah atau jurunikah yang tauliahnya sudah tamat tempoh dan menyebabkan sesuatu perkahwinan itu tidak sah dari segi perundangan. Menurut beliau lagi, perkahwinan yang tidak mengikut prosedur perundangan adalah merupakan nikah sidiket walaupun perkahwinan sebegini boleh jadi sah menurut hukum syarak⁵

Nikah sindiket juga adalah merupakan pernikahan yang tidak didaftarkan di pejabat Pendaftar Perkahwinan yang mana wali yang menikahkan tidak mendapat tauliah daripada Majlis Agama Islam Negeri selain daripada pernikahan yang menimbulkan keraguan dan juga wali yang meragukan.⁶ Ia juga merupakan suatu perbuatan melakukan upacara pernikahan atau yang menyebabkan berlakunya pernikahan dengan tujuan untuk menipu yang dilakukan secara haram melalui perantaraan seseorang atau kumpulan ahli yang tidak mendapat tauliah daripada pihak pentadbir agama. Orang perantaraan tersebut berperanan untuk mengatur perkahwinan dari awal sehingga pelanggan berjaya memperolehi sijil nikah mereka.

Kesimpulannya, pernikahan yang dilakukan secara sindiket ini ada yang sah daripada segi syarak dan ada yang tidak. Sebagai contoh, dalam kes *Re Wan Norsuriya (No kes: MTSTR 41-008/33/97)*, Plaintiff dibawa lari oleh Responden dan dikahwinkan secara paksa melalui satu sindiket di Yala, Thailand oleh seorang imam yang mengakadkan pernikahan tersebut tanpa meminta persetujuan Plaintiff. Hakim memutuskan nikah tersebut sebagai tidak sah dari sudut syarak dan undang-undang, kerana terdapat keraguan pada pihak wali yang menikahkan serta pernikahan tersebut dilakukan tanpa kerelaan Plaintiff. Walau bagaimanapun keadaannya, pernikahan melalui sindiket tetap tidak sah dari segi perundangan di Malaysia.⁷

5 Temu bual bersama Puan Siti Nor Jihan Saleh, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 11:00 pagi, di JAWI.

6 Rosman, Md Shah, Lidah Yang Tergigit, www.yadim.com.my akses pada 20 Julai 2010.

7 Temu bual bersama dengan Tuan Haji Zainul Abidin bin Mat Nor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 12:45 tengahari, di JAWI.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG NIKAH SINDIKET

Nikah sindiket merupakan perkahwinan sindiket oleh jurunikah tidak bertauliah dan menyebabkan perkahwinan tidak sah.⁸ Jurunikah yang bertauliah ialah jurunikah yang dilantik oleh kerajaan atau majlis atau badan Islam yang diiktiraf. Kesan daripada pernikahan yang dibuat oleh jurunikah tidak bertauliah akan menyebabkan pernikahan tersebut tidak dapat didaftarkan⁹ kerana gagal mematuhi Seksyen 28 Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 (AUKI)¹⁰. Ia merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 39 AUKI.¹¹ Sekiranya terdapat pasangan yang disyaki bernikah secara sindiket, wali dan saksi yang hadir semasa pernikahan tersebut dijalankan perlu dipanggil semula untuk membuktikan sama ada sah atau tidak pernikahan yang dijalankan.¹²

Faktor utama berlakunya nikah sindiket ialah berpunca daripada salah faham masyarakat tentang peruntukan undang-undang yang sedia ada.¹³ Sebagai contoh, Seksyen 23 (3) AUKI 1984 berhubung dengan permohonan poligami memperuntukkan tentang keizinan isteri pertama yang perlu diperolehi oleh pihak suami sebelum berpoligami. Walaupun begitu, keizinan tersebut adalah tidak wajib. Ia hanya diperlukan untuk membantu Mahkamah membuat keputusan samada menerima atau menolak permohonan poligami tersebut.¹⁴ Dalam *kes Husin lwn Saayah dan Mat*

8 Berita Harian, 31 Mac 2010, www.bharian.com.my

9 Abdul Manan Ismail, et al, (2004) *Kahwin Lari: Fiqh dan Undang-Undang Malaysia*, Prosiding Diskusi Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang – Undang, USIM, hlm.11-23.

10 Seksyen 28 AUKI 1984.

11 Seksyen 39 AUKI 1984 memperuntukkan bahawa orang yang tidak diberi kuasa mengkadnikah atau melakukan sesuatu berupa sebagai mengkadnikah perkahwinan melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara enam bulan atau kedua-duanya.

12 Utusan Malaysia, 04/03/2003, www.utusan.com.my

13 Temu bual bersama Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 3:00 patang, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

14 Temu bual bersama Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 3:00 patang, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Hassan (Perlis Kes Mal 36/80), Plaintiff yang merupakan bapa kepada Responden Pertama memohon mahkamah membatalkan pernikahan tersebut kerana ianya berlaku tanpa izin (kahwin lari) di Pulau Panjang, Setol, Thailand. Mahkamah telah memutuskan akad nikah tersebut batal atas alasan tiada izin wali serta tiada wakalah atau wali raja diperolehi. Masyarakat tidak menggunakan peruntukan Fasal 185 (3) Undang-undang Pentadbiran Agama Perlis bil. 3/64 yang memperuntukkan dalam kes wali enggan, seseorang perempuan boleh membuat tuntutan kepada mahkamah untuk mendapat wali raja setelah dibuktikan walinya enggan.

Selain itu, faktor-faktor lain yang mendorong kepada berlakunya nikah sindiket dapat dibahagikan kepada lima faktor seperti berikut:

i) Kewujudan syarikat sindiket pernikahan¹⁵

Pernikahan sindiket ini biasanya diatur oleh kumpulan tertentu yang bermatlamat untuk mencari keuntungan. Kumpulan ini akan mencari pelanggan dan kemudiannya akan ada kumpulan-kumpulan lain yang menguruskan saksi, dokumentasi, kad nikah palsu dan lain-lain perkara berhubung akad nikah. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, terdapat beberapa kumpulan yang telah dikenal pasti sedang bergiat aktif menjalankan aktiviti pernikahan secara sindiket ini. Dalam keadaan tertentu, kumpulan sindiket ini juga akan memperlal orang tertentu untuk menjadi jurunikah tanpa jurunikah tersebut mengetahui bahawa beliau mengakadnikahkan perkahwinan sindiket. Sebagai contoh, dalam kes *Nor Hasnida Hasan lwn Mohd Amir s/o Abdul Alim Bawang (No kes: 14700-010-0178-2007)* yang mana Responden membayar RM2500 kepada agen pernikahan sindiket bagi menguruskan majlis akad nikah iaitu untuk pendaftaran dan bayaran lain. Namun, apabila disiasat, JAWI mengesahkan bahawa pernikahan itu tidak berdaftar di JAWI dan Mahkamah memutuskan bahawa ianya adalah pernikahan *fasid*.

15 Temu bual bersama dengan Tuan Haji Zainul Abidin bin Mat Nor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 12:45 tengahari, di JAWI.

ii) Faktor keluarga

Asas pada pembentukan sebuah keluarga ialah suami, isteri dan anak-anak.¹⁶ Keluarga terdiri daripada saudara mara atau sekalian orang yang mempunyai hubungan darah, seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri beserta anak-anak dan saudara-saudara angkat.¹⁷ Suami sebagai bapa merupakan ketua keluarga yang bertanggung jawab mengemudi sesebuah keluarga. Dalam konteks kekeluargaan Islam, bapa merupakan *wali akrab*¹⁸ dalam urusan menikahkan anak perempuan. Justeru, ada kalanya berlaku pertelingkahan di antara anak dan bapa yang membawa kepada keengganan bapa mewalikan anak perempuannya atau keengganan pihak keluarga menerima bakal menantu.¹⁹ Masalah ini berbangkit disebabkan oleh beberapa alasan seperti usia kedua-dua pasangan yang terlalu muda, masih bersekolah, ataupun jarak usia antara kedua pasangan yang terlalu jauh. Maka, jalan pintas yang mudah adalah dengan menggunakan khidmat sindiket.

a) Wali enggan mengahwinkan wanita dengan lelaki pilihannya²⁰

Keengganan wali mengahwinkan anak perempuannya dengan lelaki pilihan anak perempuan tersebut merupakan salah satu faktor berlakunya nikah sindiket.²¹ Wali merupakan orang yang mempunyai kuasa untuk

16 Dr. Zaleha Kamaruddin. 1997. *Isu-isu Kekeluargaan dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia. hlm. 5. Lihat juga Hasnizam Hashim, et al. 2009. *Peranan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPi) dalam Menangani Krisis Rumah Tangga*. Nilai: Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

17 Hjh. Noresah bt. Bharom et.al. 2005. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd. Edisi Keempat. hlm. 725.

18 Wali akrab bermaksud wali terdekat yang terdiri daripada bapa, datuk dan ke atas.

19 Utusan Malaysia, 2 April 2001, www.utusan.com.my

20 Temu bual bersama Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 3:00 patang, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

21 Utusan Malaysia, 29 Disember 2009, www.utusan.com.my

mengahwinkan seorang anak perempuan sama ada anak tersebut di bawah jagaannya ataupun tidak.²² Menurut Mazhab Shafii, kedudukan seseorang wali dianggap penting lebih-lebih lagi ianya menentukan sahnya taraf suatu perkahwinan atau sebaliknya. Seorang wali boleh mengahwinkan anak perempuannya yang masih dara tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada anak perempuan tersebut manakala seorang wali tidak boleh mengahwinkan anak perempuannya yang janda tanpa persetujuan anak perempuan tersebut.²³

Walau bagaimanapun, keengganan wali untuk mengahwinkan anak perempuannya perlu disertakan dengan sebab yang munasabah. Sekiranya tiada sebab yang munasabah diberikan, maka anak perempuan tersebut boleh memohon pada mahkamah supaya dinikahkan dengan menggunakan Wali Raja.²⁴ Satu contoh kes yang berlaku ialah *kes Husin lwn Saayah dan Mat Hassan (Perlis Kes Mal 36/80)*. Plaintiff yang merupakan bapa kepada Responden Pertama memohon mahkamah membatalkan pernikahan tersebut kerana ianya berlaku tanpa izin (kahwin lari) di Pulau Panjang, Setol, Thailand. Mahkamah telah memutuskan akad nikah tersebut batal atas alasan tiada izin wali serta tiada wakalah atau wali Raja diperolehi.

Dalam satu kes yang melibatkan pernikahan secara sindiket menggunakan wali hakim palsu, pernikahan yang telah dijalankan tidak didaftarkan semula di Malaysia sehinggalah wanita tersebut melahirkan anak. Wanita tersebut memilih untuk bernikah secara sindiket disebabkan keluarganya tidak merestui pilihannya, iaitu seorang buruh kasar yang juga merupakan penagih dadah.²⁵

22 Dr. Hj.Mamat Saad Abd Rahman, *Isu-Isu dalam masyarakat Islam Malaysia*, iBook Publication Sdn Bhd, hlm. 25.

23 *Al Ahkam Jilid 6, Undang-Undang keluarga dan pentadbiran harta Wakaf*, hlm. 83-84.

24 Seksyen 13 AUKI 1984.

25 Rosman, Md Shah, Lidah Yang Tergigit, www.yadim.com.my.

Tidak *kufu*²⁶ antara pasangan juga merupakan salah satu alasan yang boleh membawa kepada keengganan pihak keluarga untuk merestui serta menerima bakal menantu mereka. Antara masalah *kufu* yang berbangkit seperti bakal suami tidak mempunyai pekerjaan, atau pasangan HIV positif, masalah mental dan seumpamanya yang dilarang oleh syarak.²⁷ Masalah sebegini lazimnya mengundang tekanan terhadap pasangan yang sedang bercinta. Akhirnya mereka akan memutuskan untuk mencari jalan mudah dengan menggunakan perkhidmatan nikah sindiket. .

Dalam kes *Haji Mohamed Iwn Bahrunnasran & Mazliani binti Mohamed* (Kes No. 41-015-1-96), Responden Pertama telah dijangkiti HIV positif. Pasangan ini telah melakukan dua kali akad nikah iaitu pada 16 Mei 1996 di Pasir Putih, Kelantan dan kemudiannya pada 22 Mei 1996 di Narathiwat, Thailand. Hakim memutuskan kedua-dua akad nikah tersebut sebagai tidak sah menurut hukum syarak dan undang-undang, serta memerintahkan supaya sijil nikah yang dikeluarkan di Narathiwat dirampas dan dibatalkan. Responden Pertama dan keluarganya dilarang mengganggu atau mencero bohi dengan apa cara sekalipun ke atas diri Responden Kedua.

iii) Faktor individu

Pernikahan sindiket juga berlaku kerana faktor individu itu sendiri. Individu yang terbabit ternyata mempunyai pilihan sama ada untuk menjalani upacara pernikahan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan ataupun memilih untuk mengetepikan prosedur sedia ada. Di antara kes-kes yang dilaporkan, menyebabkan seseorang individu terdorong untuk memilih pernikahan secara sindiket ialah keinginan untuk berpoligami dan juga disebabkan oleh mengandung luar nikah.

26 *Kufu* adalah merupakan satu istilah arab yang bermaksud sedarjat atau sama padan.

27 Contohnya seperti penyakit sopak, kusta dan mandul.

a) Keinginan berpoligami tanpa diketahui isteri pertama²⁸

Menurut Seksyen 23(3) Akta Undang-Undang keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, keizinan daripada isteri pertama perlu dikemukakan sebelum seorang lelaki ingin berpoligami.²⁹ Bagi mengelakkan perkahwinan kedua diketahui oleh isteri pertama, maka ramai yang memilih khidmat sindiket agar perkahwinan tersebut dapat dijalankan secara rahsia dan ekspres.³⁰ Sebagai contoh, dalam kes *Roziana Ramli lwn Muhamad Fazly bin Kamarunzaman (No kes: 14200-010-0387-2007)*, permohonan perintah daftar nikah secara sindiket difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur. Mengikut fakta kes, plaintif bernikah dengan defendan pada 5 Ogos 2006 menggunakan wali hakim dan diakad nikahkan oleh jurunikah dari Thailand. Plaintif adalah seorang anak dara dan defendan telah beristeri. Mahkamah memutuskan bahawa pernikahan adalah tidak sah menurut hukum syarak kerana wali hakim bagi pernikahan ini tidak mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wali hakim.

b) Pasangan terlanjur³¹

Bagi pasangan yang telah terlanjur sama ada hamil ataupun tidak, mereka pada hakikatnya lebih terdesak dan sanggup untuk mendapatkan mana-mana sindiket bagi menghalalkan perbuatan mereka demi menutup maruah yang tercalar. Bagi individu yang mempunyai status anak tak sah taraf, mereka juga tertekan untuk melalui prosedur tertentu yang akhirnya akan mendedahkan status diri mereka³². Namun begitu, ada juga individu tertentu yang tidak mahu statusnya diketahui seperti menyembunyikan status duda,

28 Berita harian, 19 April 2010, www.bharian.com.my.

29 Seksyen 23(3) AUKI 1984.

30 Lebih daripada 50 VVIP pernah mendapatkan khidmat nikah secara ekspres sejak tahun 2002, sumber *Harian Metro*, 15 Mei 2006, www.hmetro.com.my

31 Temu bual bersama Puan Siti Nor Jihan Saleh, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 11:00 pagi, di JAWI.

32 Utusan Malaysia, 15 Ogos 2004, www.utusan.com.my/

janda, suami, isteri yang masih bersuami atau masih di dalam tempoh *iddah*.³³ Bagi golongan ini, pernikahan secara sindiket adalah cara terbaik dengan harapan agar status mereka dapat dirahsiakan.

c) Ditangkap khalwat³⁴

Dalam kes yang melibatkan tangkapan khalwat, pasangan juga lebih cenderung memilih untuk bernikah dengan cara yang cepat iaitu melalui agen sindiket. Terdapat kes berlaku, agen yang menguruskan pernikahan tersebut menyerahkan kepada pasangan surat nikah palsu. Aktiviti ini akhirnya dapat dikesan oleh jabatan agama apabila pasangan tersebut mengemukakan surat nikah palsu yang dicetak seolah – olah ianya dikeluarkan oleh JAWI, sedangkan pasangan tersebut berasal dari Johor.³⁵

iii) Faktor undang-undang

Antara alasan lain yang digunakan bagi pernikahan secara sindiket ini ialah kerana ianya mudah, cepat dan tidak memerlukan perbelanjaan besar.³⁶ Undang-undang sedia ada dikatakan merumitkan keadaan kerana terpaksa menjalani beberapa prosedur tertentu sebelum sesuatu perkahwinan dapat dijalankan. Perlu diingat bahawa kewujudan undang-undang ialah sebagai instrumen untuk mengatur hubungan manusia antara satu sama lain serta hubungan manusia dengan negara.³⁷ Atas alasan undang-undang yang ketat serta prosedur yang menyusahkan, sesetengah pihak memilih jalan pintas untuk berkahwin terutamanya apabila melibatkan perkahwinan bawah umur, perkahwinan luar daerah serta perkahwinan dengan warga asing.

33 *Iddah* adalah merupakan satu istilah arab yang bermaksud tempoh merujuk bagi isteri yang telah dicerai dengan talak 1 atau talak 2.

34 Temu bual bersama Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 3:00 patang, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

35 Temu bual bersama Puan Siti Nor Jihan Saleh, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 11:00 pagi, di JAWI.

36 Utusan Malaysia, 4 Mac 2003, www.utusan.com.my/

37 Beatrix Vohrah dan Wu Min Aun, 2007, *The commercial law of Malaysia*, Longman, hlm 1-2.

a) Perkahwinan bawah umur

Menurut Seksyen 8 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, umur minimum bagi seorang lelaki yang ingin berkahwin ialah 18 tahun manakala bagi perempuan pula ialah 16 tahun. Walau bagaimanapun, permohonan boleh dibuat melalui Hakim Syarie dengan memberikan sebab-sebab tertentu.³⁸

Trend terkini berhubung dengan perkahwinan bawah umur ialah perkahwinan dengan lelaki Lombok seperti yang dilaporkan di dalam akhbar.³⁹ Pasangan terbabit memilih untuk dinikahkan oleh jurunikah tidak bertauliah bagi mengelakkan daripada prosedur yang perlu dilalui berikutan perkahwinan tersebut melibatkan gadis bawah umur.⁴⁰

b) Perkahwinan di luar daerah⁴¹

Perkahwinan yang dilakukan di luar daerah juga merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada nikah sindiket. Kira-kira 60 hingga 70 peratus pernikahan yang dilangsungkan di sempadan tidak sah gara-gara dinikahkan oleh mereka yang tidak bertauliah. Salah satu kes yang berlaku ialah melibatkan pemalsuan kad nikah. Dalam satu kes yang melibatkan pemalsuan kad nikah, pernikahan dijalankan di Arab Saudi dan pendaftaran dibuat melalui agen dengan bayaran RM8,000 untuk mendapatkan kad nikah. Walau bagaimanapun, setelah disiasat oleh JAWI, kad nikah yang dikeluarkan oleh agen tersebut ialah kad nikah palsu.⁴²

38 Seksyen 8 AUKI 1984

39 Berita Harian, 14 Jun 2010, www.bharian.com.my

40 Ibid.

41 Utusan Malaysia, 4 Mac 2003, www.utusan.com.my.

42 Temu bual bersama Puan Siti Nor Jihan Saleh, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 11:00 pagi, di JAWI.

c) Perkahwinan dengan warga asing⁴³

Perkahwinan dengan warga asing juga menjadi alasan kepada pasangan terbabit untuk menggunakan khidmat sindiket tertentu⁴⁴ kerana hanya dengan jalan ini sahaja segala kerumitan prosedur dapat dielakkan. Bagi pasangan muda, mereka juga mempunyai harapan yang tinggi untuk bernikah melalui sindiket yang dapat menghalalkan kehidupan mereka dengan alasan untuk mengelak diri daripada terjerumus ke lembah zina.⁴⁵

Selain itu, pernikahan sindiket ini juga berlaku dalam perkahwinan yang melibatkan warga asing apabila wali pada pasangan berada di negara asal. Oleh itu, jalan mudah untuk pernikahan ialah dengan melalui pernikahan sindiket. Dalam kes *Khori binti Ahmad & Abu Samah bin Abu Halim (Kes Mal No. 11100-010(1)-4-2003)*, pihak perempuan merupakan warga asing yang berasal dari negara Kemboja manakala pihak lelaki adalah warga tempatan. Mereka dinikahkan oleh jurunikah bertauliah di rumah Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju` Mukim Kepong, Terengganu. Persoalannya di sini ialah, jurunikah tersebut telah berperanan sebagai Wali Raja bagi Plaintif walhal ianya di luar bidang kuasa beliau. hakim memutuskan akad nikah tersebut sebagai *fasid*.

Kes yang melibatkan masyarakat warga asing di Malaysia juga boleh berlaku dalam keadaan terdesak. Dalam kes- kes sebegini, mereka sanggup menjadi jurunikah bagi pasangan yang ingin berkahwin. Sebagai contoh, *kes Faridah Abd. Karim & Amran b. Mulis (Kes No. 14002-010-1065-2009)* yang diakad nikah oleh wali hakim di Kajang oleh jurunikah warganegara Indonesia dan pendaftarannya dilakukan di negara Indonesia. Setelah mereka memohon pendaftaran semula di Selangor, hakim memutuskan bahawa pernikahan tersebut tidak sah serta memerintahkan pasangan tersebut *difaraqkan*.

43 Temu bual bersama Puan Siti Nor Jihan Saleh, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 11:00 pagi, di JAWI.

44 Fairus Abu Bakar, 2002, *Nikah Sindiket: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Kangar Perlis*. Petaling Jaya: Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya. hlm.40.

45 Utusan Malaysia, op.cit. 2 April 2001. www.utusan.com.my.

iv) Faktor media massa

Pengiklanan perkhidmatan nikah sindiket di laman-laman web juga turut menjadi faktor yang menyumbang ke arah berleluasanya nikah sindiket. Apabila agensi pernikahan mempunyai kemudahan untuk mengiklankan perkhidmatan mereka di laman-laman web serta mudah dihubungi, secara tidak langsung ianya memberi laluan mudah untuk pasangan yang terdesak dan terjebak dengan pelbagai masalah untuk melangsungkan pernikahan melalui kaedah ini tanpa mengenal pasti implikasi yang akan ditanggung oleh mereka di masa hadapan.

JENIS-JENIS NIKAH SINDIKET

Terdapat pelbagai jenis atau bentuk perkahwinan yang tidak mengikut peraturan atau bersalahan dengan undang-undang sama ada sah atau tidak sah dan sama ada melalui syarikat atau tidak yang boleh dikategorikan sebagai nikah sindiket.⁴⁶ Perkahwinan seperti ini, tertakluk kepada perintah mahkamah syariah sama ada syarat-syarat sah nikah di bawah hukum syarak dipenuhi atau tidak yang membolehkannya didaftarkan di Jabatan Agama Islam.

Sesuatu pernikahan dianggap sebagai nikah sindiket kerana terdapat unsur-unsur seperti menggunakan khidmat jurunikah yang tidak diiktiraf oleh undang-undang, mengeluarkan sijil nikah palsu atau sijil nikah asli yang dipalsukan. Selain itu, pada kebiasaannya upacara perkahwinan yang dikatakan sebagai nikah sindiket ini berlaku secara sembunyi dan pihak-pihak yang terlibat tidak mahu dikenali identiti masing-masing. Upacara perkahwinan sedemikian bertentangan dengan hukum syarak. Peraturan perkahwinan juga dibuat secara ala kadar bagi mengaburi mata pasangan

46 Temu bual bersama Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 3:00 petang, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

yang terlibat.⁴⁷ Ustaz Sulaiman Endut juga menyatakan bahawa pernikahan sindiket dikendalikan secara sembunyi-sembunyi dan biasanya lokasinya juga sukar dikesan dengan tepat.⁴⁸

Kriteria atau unsur sesebuah pernikahan yang boleh diklasifikasikan sebagai nikah sindiket adalah seperti kahwin lari, perkahwinan yang dibuat dihadapan jurunikah yang tidak mempunyai tauliah, sindiket nikah palsu yang dibuat dihadapan jurunikah yang bertauliah, sijil pernikahan yang palsu atau sijil nikah asli yang dipalsukan dan upacara perkahwinan yang didalangi oleh kumpulan haram.⁴⁹

Kahwin lari adalah istilah yang bermaksud perkahwinan yang tidak mengikut Akta atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam dan tidak dipersetujui oleh wali pengantin perempuan. Perkahwinan ini diadakan oleh wali hakim tanpa persetujuan wali dan tanpa kebenaran pendaftar perkahwinan mukim yang berkenaan. Ia tidak semestinya dilakukan di negara luar, tetapi mungkin juga perkahwinan melalui sindiket yang tertentu dan dilakukan dalam daerah itu sendiri tanpa kebenaran wali.⁵⁰ Selain itu, perkahwinan tanpa keizinan wali, Pendaftar atau Timbalan Pendaftar Nikah, Cerai, dan Ruju' dan Hakim Syarie, yang diupacarakan di mana-mana bahagian di Malaysia boleh

47 Fairus Abu Bakar. 2002. *Nikah Sindiket: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Kangar Perlis*. Petaling Jaya: Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya. hlm. 10

48 Utusan Malaysia, 2 April 2001 www.utusan.com.my

49 Kesimpulan dibuat berdasarkan temu bual bersama Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 3:00 petang, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, temu bual bersama dengan Tuan Haji Zainul Abidin bin Mat Nor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 12:45 tengahari, di JAWI dan temu bual bersama Puan Siti Nor Jihan binti Saleh, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 11:00 pagi, di JAWI.

50 Mahamad bin Arifin. 2009. "Kahwin Lari: Masalah dan Penyelesaiannya". *Undang-undang Keluarga dan Prosedur*. Selangor: Jabatan Undang-undang Islam Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim dan Pusat Undang-undang Harun M. Hashim UIAM. hlm. 12

dirujuk sebagai kahwin lari. Antara kaedah kahwin lari yang ada sekarang adalah surat nikah akan difakskan terus dari Thailand tanpa pasangan yang ingin berkahwin perlu berada di Thailand.⁵¹ Contoh kes kahwin lari adalah kes *Roziana Ramli lwn Muhannad Fazly bin Kamarunzaman (No kes: 14200-010-0387-2007)*. Dalam kes ini, permohonan perintah daftar nikah secara sindiket difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur. Mengikut fakta kes, plaintiff bernikah dengan defendan pada 5 Ogos 2006 menggunakan wali hakim dan diakad nikahkan oleh jurunikah dari Thailand dan sebelum pernikahan, plaintif adalah seorang anak dara dan defendan telah beristeri. Mahkamah memutuskan bahawa pernikahan adalah tidak sah menurut hukum syarak kerana wali hakim bagi pernikahan ini tidak mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wali hakim.

Perkahwinan yang dibuat di hadapan jurunikah yang tidak mempunyai tauliah juga boleh dikatakan sebagai nikah sindiket. Jurunikah yang tidak mempunyai tauliah ini mungkin kerana tauliah yang diberikan telah tamat tempoh sahnyanya atau telah dilucutkan tauliahnya ataupun dia langsung tidak pernah memiliki tauliah untuk menjadi jurunikah namun menipu dengan berpura-pura menjadi jurunikah.⁵² Ini boleh berlaku dengan pengetahuan kedua-dua pasangan yang ingin berkahwin, salah seorang pasangan atau tanpa pengetahuan kedua-duanya. Contoh kes yang melibatkan pernikahan yang melibatkan jurunikah yang tidak bertauliah dan didalangi oleh kumpulan haram tanpa diketahui oleh pihak isteri adalah *Nor Hasnida Hasan v Mohd Amir s/o Abdul Alim Bawang (No kes: 14700-010-0178-2007)*. Responden dalam kes ini adalah seorang warganegara Singapura. Sebelum pernikahan, pemohon adalah seorang janda dan Responden telah pun beristeri. Pada mulanya, Responden mencadangkan untuk mereka berkahwin di Thailand untuk mengelakkan daripada diketahui oleh isteri

51 Temu bual bersama dengan Tuan Haji Zainul Abidin bin Mat Nor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 12:45 tengahari, di JAWI.

52 Temu bual bersama Puan Siti Nor Jihan binti Saleh, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 11:00 pagi, di JAWI.

pertama Responden. Pada masa yang sama, Responden memaklumkan bahawa pernikahan tersebut akan dibuat di Malaysia dengan bantuan rakan Responden. Rakannya memaklumkan bahawa jurunikah yang akan menikahkan mereka adalah Naib Qadhi Sentul. Namun begitu, tidak terdapat dokumen yang boleh mengesahkan perkara ini. Mereka bernikah dengan menggunakan wali hakim dan pada waktu itu, ayah kandung Plaintiff berada di tempat yang melebihi 2 marhalah. Responden membayar RM2500 bagi menguruskan majlis akad nikah tersebut. Kemudiannya, berlaku masalah rumah tangga, namun pemohon tidak mempunyai dokumen pengesahan nikah kerana semuanya disimpan oleh Responden. Plaintiff memohon untuk mendapatkan salinan surat nikah di JAWI. Walaubagaimanapun, JAWI tidak dapat mengesahkan pernikahan tersebut kerana ianya tidak pernah didaftarkan di JAWI. Mahkamah memutuskan bahawa akad nikah yang dilakukan melalui wali hakim adalah akad nikah yang *fasid* dan tidak boleh didaftarkan di bawah AUKI kerana tidak mengikut peraturan hukum syarak dalam soal perwalian.

Peguam Syarie, Zaidi Zain mengatakan bahawa apabila pasangan bernikah melalui sindiket bermakna pernikahan dikendalikan oleh kumpulan orang yang tidak bertauliah. Tambahnya lagi, sindiket haram yang beroperasi tidak mengendahkan risiko yang bakal dihadapi oleh pasangan serta tidak menyelidik latar belakang pasangan yang akan dinikahkan. Bagi mereka, matlamat utama ialah untuk mengaut keuntungan sebanyak mungkin dengan mengetepikan hukum syarak dan prosedur perundangan sedia ada.⁵³ Fakta ini disokong oleh Tuan Haji Zainul Abidin yang turut sama menegaskan bahawa kumpulan yang bermatlamatkan keuntungan ini akan mencari pelanggan dan kemudiannya akan ada kumpulan-kumpulan lain yang menguruskan saksi, dokumentasi, kad nikah palsu dan lain-lain. *Modus operandi* kumpulan ini akan memperalut orang tertentu untuk menjadi jurunikah tanpa jurunikah tersebut mengetahui bahawa beliau mengakad nikahkan perkahwinan sindiket.⁵⁴

53 Utusan Malaysia, 2 April 2001 www.utusan.com.my.

54 Temu bual bersama dengan Tuan Haji Zainul Abidin bin Mat Nor, Ketua Penolong

Kesimpulannya, pernikahan yang mempunyai unsur atau kriteria yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang semasa serta hukum syarak boleh dikategorikan sebagai nikah sindiket.

IMPLIKASI NIKAH SINDIKET

Kewujudan nikah sindiket boleh mendatangkan implikasi negatif dari segi moral, sosial dan perundangan.

Dari segi perundangan, pertuduhan boleh dibuat terhadap pihak-pihak yang terbabit dengan nikah sindiket seperti pasangan yang akan bernikah, jurunikah yang mengakadnikahkan pasangan tersebut serta saksi – saksi yang hadir semasa upacara pernikahan tersebut. Di antara pertuduhan yang boleh dikenakan ialah, nikah tanpa kebenaran, poligami tanpa kebenaran serta penalti-penalti lain yang telah diperuntukkan oleh AUKI 1984.

Selain daripada itu, nikah sindiket ini boleh menimbulkan pelbagai masalah kepada wanita, isteri dan ahli waris. Masalah ini akan dapat dilihat apabila berlakunya penceraian atau salah seorang pasangan meninggal dunia, maka hak-hak wanita, isteri dan ahli waris tersebut tidak dapat dituntut. Menurut Ustaz Sulaiman Endut, apabila seorang isteri diceraikan setelah berkahwin di luar negara tanpa didaftarkan semula perkahwinannya di negara ini, wanita tersebut gagal memperoleh tuntutan harta pusaka atau apa-apa yang berkaitan dengan haknya. Apabila berlaku penceraian, isteri sebenarnya berhak untuk menuntut mut'ah, harta sepencarian, nafkah edah, nafkah anak-anak dan hadanah. Tetapi apabila mereka melakukan pernikahan dengan kumpulan yang tidak bertauliah, mereka akan rugi dan teraniaya kerana tidak berhak menuntut apa-apa selepas bercerai.⁵⁵ Mahkamah Syariah di Malaysia tidak ada bidang kuasa untuk mendengar sebarang tuntutan kerana perkahwinan yang dilakukan itu tidak didaftarkan.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 12:45 tengahari, di JAWI.

55 Utusan Malaysia, 2 April 2001 www.utusan.com.my.

Di samping itu, nikah sindiket adalah merupakan manifestasi akhlak yang rendah kepada pelakunya kerana kebanyakannya membelakangkan keluarga sendiri, memberi aib kepada ibu bapa dan merosakkan nama baik keluarga. Implikasi dari sudut sosial pula akan memperlihatkan kehancuran sesebuah institusi kekeluargaan, mengucar-ngacirkan nasab anak dan juga keturunan. Anak-anak juga akan mengalami kesulitan untuk mendapatkan surat beranak atau pengiktirafan sebagai anak sah taraf.

Nikah sindiket ini juga akan mendatangkan kesan negatif terhadap masyarakat umum. Pelbagai pihak yang ingin mengambil 'untung' akan muncul atas alasan 'Syari'i' untuk melaksanakan aktiviti pernikahan secara sindiket ini. Selain daripada itu, masalah sosial yang mungkin berlaku akibat daripada nikah sindiket ini juga adalah penderaan, pengabaian nafkah, penceraian, buang anak dan sebagainya.

KESIMPULAN

Salah satu matlamat Enakmen Keluarga Islam bagi kesemua negeri di Malaysia ialah untuk menghalang daripada berlakunya 'pernikahan sindiket'. Namun begitu, setakat ini ternyata bahawa peruntukan undang-undang sedia ada dan langkah-langkah kawalan yang dibuat masih belum dapat menangani gejala ini dengan efektif. Aktiviti nikah sindiket, sekiranya tidak diberi perhatian dan tidak ditangani dengan berkesan, akhirnya akan memberi pelbagai kesan negatif terhadap institusi kekeluargaan, masyarakat dan akhirnya negara. Justeru, kerjasama secara kolektif perlulah diambil oleh pihak-pihak yang terlibat bagi menangani gejala ini.

Rujukan

- Abdul Manan Ismail, et al. 2004. *Kahwin Lari: Fiqh dan Undang-Undang Malaysia*, Prosiding Diskusi Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang – Undang, USIM
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah persekutuan) 1984 (Akta 303)*
- Al-Ahkam* Jilid 6, Undang-Undang keluarga dan pentadbiran harta Wakaf
- Beatrix Vohrah dan Wu Min Aun, 2007, *The Commercial Law of Malaysia*, Longman, hlm 1-2.
- Berita Harian, 14 Jun 2010, www.bharian.com.my
- Berita harian, 19 April 2010, www.bharian.com.my
- Berita Harian, 31 Mac 2010, www.bharian.com.my
- Dr. Hj.Mamat Saad Abd Rahman, *Isu-Isu dalam Masyarakat Islam Malaysia*, iBook Publication Sdn Bhd
- Dr. Zaleha Kamaruddin. 1997. *Isu-isu Kekeluargaan dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Fairus Abu Bakar, 2002, *Nikah Sindiket: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Kangar Perlis*. Petaling Jaya: Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya.
- Harian Metro, 15 Mei 2006, www.hmetro.com.my
- Hasnizam Hashim, et al. 2009. *Peranan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) dalam Menangani Krisis Rumah Tangga*. Nilai: Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hjh. Noresah bt. Bharom et.al. 2005. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd. Edisi Keempat.
- Mahamad bin Arifin. 2009. “Kahwin Lari:Masalah dan Penyelesaiannya”. *Undang-undang Keluarga dan Prosedur*. Selangor: Jabatan Undang-undang Islam Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim dan Pusat Undang-undang Harun M.Hashim UIAM.
- Rosman, Md Shah, *Lidah Yang Tergigit*, www.yadim.com.my, akses pada 20 Julai 2010

Temu bual bersama dengan Tuan Haji Zainul Abidin bin Mat Nor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 12:45 tengahari, di JAWI.

Temu bual bersama Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 3:00 petang, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Temu bual bersama Puan Siti Nor Jihan Saleh, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 11:00 pagi, di JAWI.

Utusan Malaysia , 29 Disember 2009, www.utusan.com.my

Utusan Malaysia, 4 Mac 2003, www.utusan.com.my

Utusan Malaysia, 15 Ogos 2004, www.utusan.com.my

Utusan Malaysia, 2 April 2001, www.utusan.com.my